

**TRADISI MEGALITIK BATU BUAYA, SANTUBONG  
DARI PERSPEKTIF ETNOARKEOLOGI**

**DURASIMA NAMEING**



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**TESIS INI DISERAHKAN UNTUK MEMENUHI  
SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH  
SARJANA SASTERA**

**FAKULTI KEMANUSIAAN, SENI DAN WARISAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2017**

# UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

JUDUL : **MEGALITIK BATU BUAYA, SANTUBONG DARI PERSPEKTIF ETNOARKEOLOGI**

IJAZAH : **IJAZAH SARJANA SASTERA (SEJARAH)**

Saya **DURASIMA NAMEING**, Sesi Pengajian **2014-2017**, mengaku membenarkan tesis Ijazah Sarjana ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tanda ( / )


SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

  
**DURASIMA NAMEING**

Disahkan oleh,


**NURULAIN BINTI ISMAIL**

LIBRARIAN

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

  
(Tandatangan Pustakawan)

Tarikh : 10 Julai 2017

  
(BASZLEY BEE BIN BASRAH BEE)  
Penyelia

## PENGAKUAN

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

10 Julai 2017



.....  
Durasima Nameing  
MA1411057T



UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## PENGESAHAN

NAMA : **DURASIMA NAMEING**

NO. MATRIK : **MA1411057T**

TAJUK : **TRADISI MEGALITIK BATU BUAYA, SANTUBONG  
DARI PERSPEKTIF ARKEOLOGI**

IJAZAH : **IJAZAH SARJANA SASTERA (SEJARAH)**

TARIKH VIVA : **16 MAC 2017**

**DISAHKAN OLEH;**

**1. PENYELIA UTAMA**  
En. Baszley Bee Bin Basrah Bee

Tandatangan



**2. PENYELIA BERSAMA**  
Dr. Abd. Hakim Bin Mohad



## PENGHARGAAN

Segala puji syukur kepada Tuhan kerana atas berkat-Nya kajian ini telah disiapkan dengan sempurna. Kajian tradisi megalitik di Sarawak ini dijalankan adalah bertujuan untuk mengangkat Batu Buaya, Santubong yang semakin dilupakan oleh generasi kini dan kajian ini bukanlah satu kajian yang mudah kerana kurangnya sumber berkenaan Batu Buaya. Namun begitu saya berasa gembira kerana akhirnya kajian ini mampu menambahkan laporan sedia ada berkaitan dengan TBB untuk rujukan akademik pengkaji akan datang. Oleh itu, setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada semua pihak yang membantu saya dalam menyiapkan kajian ini terutamanya kedua-dua penyelia saya iaitu En. Baszley Bee Bin Basrah Bee dan Dr. Abd. Hakim Bin Mohad yang tidak jemu membantu saya dalam menyiapkan kajian ini. Walaupun kajian ini hanyalah tentang sebongkah batu, namun mampu memberi sumbangan dalam bidang akademik buat pengkaji akan datang yang ingin mengkaji tentang Batu Buaya dengan lebih mendalam.

Terima kasih juga saya ucapkan buat En. Sherman Saufi yang turut banyak membantu saya semasa berlangsungnya proses mengumpul data di Sarawak dan atas nasihat serta tunjuk ajar beliau. Ribuan terima kasih juga saya ucapkan kepada semua informen iaitu Haji Suhaili bin Kifli, Abang Bujang, Pn. Lambu anak Mandau dan En. Auh anak Adun kerana sudi membantu dan memberi informasi berkaitan dengan isu-isu penting dalam kajian saya malah kerjasama yang diberikan turut memudahkan saya untuk menyiapkan kajian ini dengan baik. Saya turut berbesar hati mengucapkan jutaan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan buat Yayasan Sarawak yang telah menaja saya dibawah biasiswa Yayasan Biasiswa Sarawak Tunku Abdul Rahman yang mana membolehkan saya untuk melaksanakan kajian ini dengan lebih sempurna tanpa adanya kekangan kewangan. Selain itu, terima kasih buat keluarga yang sering memberi dorongan sepanjang kajian ini dijalankan kerana mendoakan kejayaan saya dalam menyiapkan kajian ini. Turut tidak dilupakan rakan-rakan seperjuangan yang sering menjadi semangat dan peneman serta berkongsi ilmu.

Akhir sekali, diharap kajian ini dapat menambahkan koleksi kajian sedia ada dalam bidang akademik dan menjadi panduan buat para pembaca.


Sekian, Terima kasih.



Durasima Nameing  
10 Julai 2017

## ABSTRAK

Bahan kajian dalam penyelidikan arkeologi ini ialah Tapak Batu Buaya (TBB) di Santubong, Sarawak. Tapak ini merupakan salah satu tinggalan tradisi megalitik di Santubong yang dahulunya pernah dipuja dan dianggap memiliki semangat oleh penduduk tempatan. Berdasarkan hasil tinjauan awal yang telah dijalankan, pengkaji mendapati bahawa TBB mempunyai nilai sejarah yang begitu signifikan bagi masyarakat di Santubong namun diabaikan dari segi pemeliharaan tapak akibat peredaran zaman yang semakin membangun serta faktor geografi TBB yang terletak di muara sungai. Kajian yang berasaskan kerja lapangan ini menggunakan kaedah temu bual dan pemerhatian secara langsung untuk mengumpul data di tapak kajian. Berdasarkan analisis yang telah dibuat, pengkaji mendapati bahawa TBB menepati definisi tradisi megalitik serta dikaitkan dengan legenda Datuk Merpati dan tapak pembunuhan Sultan Tengah iaitu sultan yang pertama dan terakhir di Sarawak. Bagi memastikan apakah jenis buaya yang dikaitkan dengan legenda TBB, maka survei arkeologi di tapak kajian telah dikendalikan. Antara data yang diperolehi ialah ukuran tapak serta klasifikasi jenis-jenis buaya. Hasil kajian mendapati bahawa TBB mirip kepada buaya jenis *C. Porosus* yang hidup di air masin. Selain itu, TBB merupakan sebuah tapak yang sangat rapat dengan kepercayaan, pemikiran dan juga sejarah demografi penduduk tempatan di Santubong. Seterusnya, berdasarkan perbandingan keadaan fizikal tapak melalui survei yang telah dijalankan, pengkaji mendapati bahawa berlakunya perubahan dari segi fizikal tapak TBB berbanding dengan kajian Harrisson (1969). Secara keseluruhannya, kajian ini telah memperlihatkan bahawa TBB mulai berfungsi teguh dalam kebudayaan masyarakat setempat pada awal abad ke-15.



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## **ABSTRACT**

### **BATU BUAYA MEGALITHIC, SANTUBONG TRADITION FROM ETHNOARCHAEOLOGICAL PERSPECTIVES**

*The main subject of this archaeological study was Tapak Batu Buaya (TBB) which was situated in Santubong, Sarawak. The site was a megalithic remains in Santubong. Based on the previous study, researcher discovered that TBB had its own historical value that was significant to the locals. However, it was ignored due to time revolution and geographical factor that was close the mouth of river. The study employed interviews and site observations methods for data collection purposes. Based on the data analysis, researcher had found that TBB satisfied the definition of megalithic traditions that were related to the legend of Datuk Merpati and the murder site of Sultan Tengah, who was the first and the last Sultan of Sarawak. The survey conducted at the site collected data of the site's measurements and types of crocodile. The obtained data showed that the category of crocodile found in the site was *C. Porosus* crocodile of salt water. Furthermore, TBB was closely connected to the belief, thoughts and demographic history of the locals. Besides, by comparing the site to the earlier study done by Harrisson (1996), researcher found that there were changes on the site's physical. As a conclusion, this study showed that TBB had solidly existed and served the local community back in the 15<sup>th</sup> century.*



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
<b>TAJUK</b>	i
<b>PENGAKUAN</b>	ii
<b>PENGESAHAN</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	iv
<b>ABSTRAK</b>	v
<b>ABSTRACT</b>	vi
<b>SENARAI KANDUNGAN</b>	vii
<b>SENARAI JADUAL</b>	xii
<b>SENARAI FOTO</b>	xiii
<b>SENARAI RAJAH</b>	xv
<b>SENARAI PETA</b>	xvi
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xvii
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xviii
<b>BAB 1: PENDAHULUAN</b>	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Permasalahan Kajian	1
1.3 Objektif Kajian	2
1.4 Sorotan Kajian	2
1.5 Kepentingan Kajian	8
1.6 Metodologi Kajian	9
1.7 Skop Kajian	10
1.8 Struktur Kajian	12



1.9	Kesimpulan	13
<b>BAB 2: KONSEP TRADISI MEGALITIK, LEGENDA DAN SEJARAH BATU BUAYA, SANTUBONG</b>		
2.1	Pengenalan	14
2.2	Konsep Tradisi Megalitik	14
2.2.1	Tradisi Megalitik dan Fungsinya	16
2.2.2	Jenis Tradisi Megalitik Secara Umum	17
2.3	Tradisi Megalitik Dalam Konteks Sarawak	23
2.4	Latar Belakang dan Legenda TBB	27
2.4.1	Legenda TBB Versi Haji Mohammad Tahir	28
2.4.2	Legenda Batu Buaya Versi Abang A. Razak Abang Medaan	29
2.4.3	Versi A.K. Marican Salleh	31
2.4.4	Versi Dewan Bandaraya Kuching Utara (DBKU)	34
2.4.5	Versi Kampung Santubong	35
2.4.6	Versi Kampung Tembawang Taup	36
2.5	TBB Dari Sudut Sejarah	38
2.6	Kesimpulan	41
<b>BAB 3: TINJAU SELIDIK ARKEOLOGI TAPAK BATU BUAYA</b>		
3.1	Pengenalan	42
3.2	Latar Belakang Geografi	42
3.2.1	Kawasan Santubong	42
3.2.2	Aspek Fizikal	47
3.3	Spesies Buaya	54
3.3.1	<i>Tomistoma Schlegelii</i>	54

3.3.2	<i>Crocodylus Porosus Scneider</i>	56
3.4	Habitat Buaya	59
3.4.1	Sungai Samunsam	59
3.4.2	Santubong	60
3.4.3	Batang Lupar	61
3.4.4	Sungai Samarahan	61
3.4.5	Sungai Ensegai Baki	62
3.4.6	Hilir Sungai Rajang dan Sungai Belawai	62
3.4.7	Hilir Sungai Suai	63
3.4.8	Sungai Baram	63
3.4.9	Hilir Pandaruan dan Sungai Limbang	64
3.5	Sejarah Penemuan Tapak	66
3.6	Fizikal Tapak	67
3.7	Tapak TBB Dalam Konteks Arkeologi	78
3.8	Kesimpulan	79

#### **BAB 4: TAPAK BATU BUAYA DALAM KONTEKS ARKEOLOGI**

4.1	Pengenalan	80
4.2	Tapak Arkeologi Lain	80
4.3	Simbolisme Buaya Secara Umumnya	84
4.4	Simbolisme Buaya Dalam Kalangan Masyarakat Sarawak	86
4.4.1	Simbolisme Buaya Dalam Kalangan Masyarakat Iban	86
4.4.2	Lun Bawang	89
4.4.3	Melayu	90
4.4.4	Simbolisme Buaya Dalam Kalangan Masyarakat Cina di Sarawak	91

4.5	TBB dan Perkaitannya Dengan Tradisi Megalitik di Santubong	91
4.6	Pentarikhan TBB	98
4.6.1	Datu Merpati	99
4.6.2	Sultan Muhammad Shah	101
4.6.3	Sultan Ahmad	102
4.6.4	Ong Sum Ping	102
4.6.5	Sultan Tengah	103
4.7	Signifikasi TBB Dalam Sejarah Masyarakat Setempat	106
4.7.1	Pemikiran dan Kepercayaan Masyarakat Setempat	111
4.7.2	Sejarah Demografi Penduduk di Santubong	114
4.8	Kesimpulan	118
<b>BAB 5:</b>	<b>TAPAK BATU BUAYA: ISU DAN CABARAN</b>	
5.1	Pengenalan	119
5.2	Isu Dalam Pengurusan Warisan Bersejarah	119
5.3	Cabaran Dalam Pengurusan Tinggalan Warisan	125
5.3.1	Faktor Alam Semulajadi	126
5.3.2	Faktor Tindakan Manusia	130
5.4	Isu dan Masalah Dalam Pengurusan TBB	132
5.5	Cabaran Dalam Pengurusan TBB	141
5.5.1	Komuniti Kampung	141
5.5.2	Dewan Bandaraya Kuching Utara (DBKU)	142
5.5.3	Muzium Sarawak	143
5.5.4	TBB dan Pembangunan	147
5.5.5	Pewartaan	148
5.5.6	Kesedaran Masyarakat	149

5.6	Kesimpulan	151
<b>BAB 6:</b>	<b>RUMUSAN</b>	152
<b>RUJUKAN</b>		160
<b>LAMPIRAN</b>		170



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 2.1 : Jenis Tradisi megalitik dikelaskan mengikut kategori berdasarkan bentuk didirikan	18
Jadual 2.2 : Jenis batu tradisi megalitik dan kawasan ianya dijumpai	25
Jadual 3.1 : Deskripsi ekologi buaya jenis <i>Tomistoma Schlegelii</i>	55
Jadual 3.2 : Deskripsi ekologi buaya jenis <i>Crocodylus Porosus</i>	57
Jadual 3.3 : Habitat buaya berdasarkan sungai-sungai di Sarawak	64
Jadual 3.4 : Ukuran fizikal TBB	71
Jadual 4.1 : Ukiran dan ukuran setiap bongkah batu berukir, Kampung Santubong	97
Jadual 4.2 : Catatan kerangka masa dan peristiwa individu yang berkait dengan TBB	105
Jadual 5.1 : Jenis faktor semulajadi penyebab kerosakan tinggalan warisan	129
Jadual 5.2 : Tentatif tahunan pihak Muzium Sarawak Bahagian Arkeologi dalam proses penyelenggaraan dan pemantauan tapak	145
Jadual 5.3 : Fasa Pembangunan SRSS di bawah Kementerian Pembangunan Infrastruktur dan Perhubungan Sarawak dan merupakan sebuah projek Kerajaan Negeri Sarawak	148


## SENARAI FOTO

	Halaman
Foto 2.1 : Imej relief di Santubong berhampiran dengan Delta Sungai Sarawak	21
Foto 2.2 : Gambar Petroglif Lumuyu di Kampung Nilumuyuh, Sabah	21
Foto 3.1 : Jenis tumbuhan yang tumbuh di permukaan tanah pasir dan permukaan batuan yang terletak di sepanjang muara Sungai Santubong menganjur ke Pantai Damai	47
Foto 3.2 : Persisiran pantai yang menganjur dari Pantai Damai sehinggalah ke kawasan Kampung Santubong	48
Foto 3.3 : Geomorfologi di kawasan Bako	48
Foto 3.4 : Jenis tumbuhan dan permukaan berpaya di Santubong yang terdiri daripada tumbuhan paya bakau yang seringkali ditenggelami air pasang pada waktu petang	49
Foto 3.5 : Tumbuhan seperti Nibung, Nipah, Lenggadai dan Ramin adalah antara tumbuhan yang tumbuh dengan banyaknya di Santubong	49
Foto 3.6 : Tumbuhan jenis paya bakau api-api yang mana buahnya boleh dimakan dan seringkali dijual oleh penduduk setempat	51
Foto 3.7 : Tumbuhan paya bakau minyak yang terdapat juga di Bako National Park, Sarawak	52
Foto 3.8 : <i>Tomistoma Schlegelii</i>	56
Foto 3.9 : <i>Crocodylus Porosus Schneider</i>	58
Foto 3.10 : Tradisi megalitik TBB, Santubong dari sisi kiri	59
Foto 3.11 : Kondisi TBB ketika air mulai pasang pada jam 2.30 petang	69
Foto 3.12 : TBB ketika air pasang sepenuhnya pada jam 5 petang	69
Foto 3.13 : TBB pada awal ianya dilaporkan oleh Tom Harrisson pada tahun 1964	70
Foto 3.14 : Kondisi fizikal TBB semasa kajian dilakukan pada tahun 2015	70

Foto 3.15	: Bahagian sisi kanan TBB	72
Foto 3.16	: Bahagian depan TBB	72
Foto 3.17	: Bahagian belakang TBB	73
Foto 5.1	: TBB semasa awal ianya dilaporkan oleh Harrisson (1964)	134
Foto 5.2	: Pemandangan TBB pada masa kajian dilakukan pada tahun 2015	134
Foto 5.3	: Kondisi TBB semasa air pasang dan oleh kerana faktor alam semulajadi ini maka pihak berwajib mengalami beberapa masalah dalam menguruskan tapak ini	135
Foto 5.4	: Gambar TBB yang terdapat dalam tulisan Pehin (1991: 20) begitu berbeza dengan gambar TBB yang ada dalam tulisan beliau pada tahun 1995 dan hal ini boleh menyebabkan kekeliruan bagi individu yang merujuk tulisan beliau	137
Foto 5.5	: Gambar TBB dalam tulisan Pehin pada tahun 1995 yang menunjukkan tapak yang berbeza berbanding dalam tulisannya pada tahun 1991	138
Foto 5.6	: Fizikal TBB yang terdapat dalam tulisan Harrisson dan O'Connor (1970: 307) dan yang terdapat dalam koleksi DBKU serta TBB yang sama sebagaimana yang diiktiraf oleh penduduk Kampung Santubong (Haji Suhaili, 4 Mac 2015; Muzium Kuching dan DBKU, 25 Mac 2015 dan Sherman, 12 Mei 2015)	139
Foto 5.7	: Sampah sarap bertaburan di sepanjang jalan menuju ke tapak TBB	140

## SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 2.1 : Salasilah asal usul Datu Merpati dan Merpati Jepang	33
Rajah 3.1 : Anatomi buaya jenis <i>Crocodylus Porosus</i>	58
Rajah 3.2 : Lakaran bahagian sisi kiri TBB dan ukurannya	74
Rajah 3.2 : Lakaran bahagian mulut TBB dan ukurannya	75
Rajah 3.4 : Lakaran bahagian belakang TBB dan ukurannya	76
Rajah 3.5 : Bahagian kanan kepala TBB dan ukurannya	77
Rajah 4.1 : Salasilah keturunan Sultan Tengah sehingga baginda menjadi Sultan di Sarawak	104
Rajah 4.2 : TBB dan penemuannya	105
Rajah 5.1 : Isu berkenaan pengurusan sumber warisan seperti yang digariskan oleh UNESCO (2013: 13)	120



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH



## SENARAI PETA

	Halaman
Peta 3.1 : Lokasi kawasan Santubong berdasarkan peta Bahagian Kuching dan melalui peta ini Santubong terletak di Bahagian Utara Bahagian Kuching	44
Peta 3.2 : Peta topografi lokasi Kampung Santubong dan TBB	45
Peta 3.2 : Peta Kampung Santubong	46



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## SENARAI SINGKATAN

- ADUN** - Ahli Dewan Undangan Negeri
- CITES** - *Convention on International Trade in Endangered Species of Wild Fauna and Flora*
- DBKU** - Dewan Bandaraya Kuching Utara
- DBP** - Dewan Bahasa dan Pustaka
- FAO** - *Food and Agriculture Organization*
- ICOMOS** - *International Council on Monuments and Sites*
- JKR** - Jabatan Kerja Raya
- JMBRAS** - *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*
- KKM** - Kementerian Kesihatan Malaysia
- KPWKM** - Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
- m** - meter
- MOTAC** - *Metro Omaha Tobacco Action Coalition*
- NGO** - *Non-Governmental Organization*
- SMJ** - *Sarawak Museum Journal*
- TBB** - Tapak Batu Buaya
- UiTM** - Universiti Teknologi MARA
- UNEP** - *United Nations Environment Programme*
- UNESCO** - *United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization*
- UNWTO** - *World Tourism Organization*

## SENARAI LAMPIRAN

	Halaman
Lampiran A1 : Megalitik Batu Buaya dari arah hadapan	171
Lampiran A2 : Arah belakang megalitik Batu Buaya	171
Lampiran A3 : Arah kiri megalitik Batu Buaya	172
Lampiran A4 : Arah kanan megalitik Batu Buaya	172
Lampiran A5 : Papan tanda Peta Lokasi Kampung Santubong yang terletak di simpang masuk kampung ini	173
Lampiran A6 : Peta lokasi Kampung Santubong yang menunjukkan lokasi tapak megalitik Batu Buaya	173
Lampiran A7 : Pemandangan Makam Sultan Tengah	174
Lampiran A8 : Makam Sultan Tengah yang telah mati dibunuh di Batu Buaya, Santubong dan dimakamkan berhadapan dengan simpang masuk ke Kampung Santubong	174
Lampiran A9 : Batu marmar yang diukir mengenai sejarah Sultan Tengah dengan tiga bahasa iaitu Bahasa Inggeris, Bahasa Jawi dan Bahasa Melayu	175
Lampiran A10 : Keratan akhbar berkenaan peningkatan populasi buaya di Santubong	175
Lampiran A11 : Keratan akhbar berkaitan dengan konflik antara buaya dan manusia di Sarawak	176
Lampiran A12 : Keratan akhbar berkaitan Kerajaan Negeri Sarawak meminta agar CITES meluluskan permohonan kerajaan untuk memberi kebenaran mengawal populasi buaya di Santubong	177
Lampiran A13 : Risalah yang digunakan untuk mempromosikan <i>Santubong Nature Festival</i> pada tahun 2014	177
Lampiran B1 : Senarai Informen	178
Lampiran C1 : Teks: Hikayat Datuk Merpati versi Haji Mohammad Tahir	179
Lampiran C2 : Teks: Kisah Datuk Merpati versi Abang A. Razak Abang Medaan	183

Lampiran D1 : Diambil dan diubahsuai daripada laporan ICOMOS (2004/2005) - Rangka kerja bertema yang telah digariskan oleh ICOMOS berdasarkan pemerhatian terhadap tapak-tapak yang tersenarai dalam warisan dunia UNESCO



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

# **BAB 1**

## **PENDAHULUAN**

### **1.1 Pengenalan**

Sarawak memiliki banyak tinggalan tradisi megalitik. Tradisi ini ditemui dari Santubong hingga Bakelalan. Antaranya seperti tapak Batu Buaya di Santubong yang seterusnya akan disebut sebagai TBB dalam sepanjang penulisan kajian ini dan Perupun Kuno di Bakelalan. Kewujudan batu megalitik ini seringkali mempunyai kaitan dengan latar belakang budaya, sejarah ataupun legenda masyarakat setempat. Walaupun terdapat banyaknya batu megalitik di kawasan ini, namun kajian yang mendalam belum pernah dijalankan secara terperinci. Oleh itu, penyelidikan ilmiah ini akan memberikan tumpuan terhadap TBB di Santubong, Sarawak bagi menambahkan lagi kajian dan sumber ilmu arkeologi megalitik di Sarawak.

### **1.2 Permasalahan Kajian**

Walaupun TBB memiliki nilai sejarah dan berkait dengan kepercayaan masyarakat setempat namun batu megalitik ini diabaikan oleh masyarakat sekitar akibat daripada peredaran zaman dan kehidupan masyarakat moden yang mementingkan pemodenan industri. Oleh hal yang demikian, tinggalan warisan seperti TBB dianggap sebagai sesuatu objek yang tidak berkepentingan lagi dalam kehidupan masyarakat seharian kerana tidak ada nilai kebendaan. Jika diteliti, TBB sangat penting bagi kita mengenali latar belakang sejarah dan kebudayaan setempat berdasarkan tinggalan warisan yang ada.

TBB bukan sahaja kurang diberi perhatian oleh Jabatan Muzium Sarawak dan Dewan Bandaraya Kuching Utara malah penduduk setempat juga tidak

menjaga kebersihan di sekitar tapak. Hal ini disebabkan tapak ini terletak di muara Sungai Santubong dan dianggap sukar untuk dijaga serta diselenggara oleh pihak yang tersebut di atas. Selain itu, TBB yang dahulunya merupakan sebuah *living megalithic* kini telah berubah menjadi sebuah *dead megalithic* setelah Tambak Bako dibina pada sekitar tahun 1980. Sebelum Tambak Bako dibina, orang Cina di Kuching sering datang ke tapak ini untuk meminta hajat begitu juga dengan masyarakat setempat. Kini, TBB tidak lagi dikunjungi oleh sesiapa dan terbiar dengan begitu sahaja.

### **1.3 Objektif Kajian**

Objektif kajian ini adalah untuk;

- i. Memberikan penerangan dan perbandingan keadaan tapak TBB pada masa kini dengan keadaannya pada kali terakhir ianya dikaji.
- ii. Menjelaskan perkaitan antara TBB dengan penduduk setempat dari segi konteks latar belakang sejarah, kepercayaan dan legenda.
- iii. Memberikan penjelasan tentang TBB ini dalam konteks etnoarkeologi di Sarawak seperti simbolisme buaya dalam kepercayaan masyarakat setempat, perkaitan TBB dan tapak megalitik lainnya, pentarikan dan signifikasi TBB.
- iv. Menjelaskan isu dan cabaran yang dihadapi dalam pengurusan TBB ini sebagai sebuah warisan kebudayaan di Sarawak.

### **1.4 Sorotan Kajian**

Dalam kajian TBB, Santubong di Sarawak, sumber rujukan bertulis yang mengkaji mengenai TBB ini adalah sangat kurang namun begitu kajian oleh Harrisson (1958a) di sekitar Kelabit dapat dijadikan rujukan buat pengkaji untuk menyorot bentuk dan jenis batu megalitik yang wujud di Sarawak. Dalam penulisannya, Harrisson (1958a) melaporkan keadaan batu megalitik yang seringkali dikaitkan dengan legenda dan mitos oleh masyarakat tempatan sehingga kadangkala diberi nama dan dikatakan *keramat* oleh masyarakat setempat. Namun dalam kajian Harrisson (1958a) ini tidak menyebut tentang TBB.

Selain itu, kajian megalitik di kawasan barat dan tengah Borneo telah ditulis oleh Harrisson (1958b) dalam tulisannya yang bertajuk *Megaliths of Central and West Borneo*. Harrisson (1958b) telah menggariskan konsep megalitik walaupun tidak secara mendalam namun cukup penting buat pengkaji. Perbezaan dan persamaan antara bentuk dan jenis batu megalitik di kedua-dua kawasan barat dan tengah Borneo turut diterangkan oleh Harrisson (1958b) namun tidak secara spesifik seperti mengelaskan setiap jenis megalitik berdasarkan kawasan yang dijumpai. Oleh itu, dalam kajian ini pengkaji akan mengisi kelompangan yang ada dalam artikel yang dihasilkan oleh Harrisson ini.

Harrisson (1962) turut menjelaskan mengenai perbezaan yang wujud antara batu megalitik di kawasan seperti Borneo dan semenanjung Malaysia. Antara perbezaan yang wujud antara kedua-dua kawasan ini adalah batu megalitik di kawasan Borneo lebih bersifat kuno dan tradisional berbanding di semenanjung Malaysia yang sangat kurang jenis batu megalitiknya. Namun dalam menjelaskan perbezaan jenis ini, Harrisson (1962) tidak menjelaskan secara terperinci tentang fizikal TBB dan ini memberi idea kepada pengkaji untuk mengkaji TBB dengan lebih menyeluruh.

Artikel yang bertajuk Harrisson, *The Malays of South-west Sarawak Before Malaysia* (1964) adalah artikel pertama yang mendiskripsikan TBB namun tidak secara menyeluruh dan kondisi tapak serta signifikasinya hanya dijelaskan dalam satu perenggan ayat sahaja. Oleh itu, kajian ini adalah bertujuan untuk mengembangkan lagi informasi tentang tapak ini bagi rujukan semua individu agar signifikasi tapak dalam kebudayaan masyarakat setempat tidak dilupakan.

*Gold and Megalithic Activity in Prehistoric and Recent West Borneo* oleh Harrisson dan O'Connor (1969) merupakan salah satu laporan kajian mengenai aktiviti perlombongan emas di kawasan Bau dan juga penemuan megalitik oleh kedua-dua arkeologis tersebut. Laporan dan kajian ini sangat penting bagi kajian ini sebagai salah satu rujukan untuk bab kedua kajian ini, iaitu untuk melihat perbezaan definisi bagi setiap jenis megalitik yang ada di Santubong serta menjadi rujukan untuk pengkaji menilai perbezaan antara legenda yang dikaitkan dengan TBB. Namun dalam laporan ini Harrisson dan O'Connor (1969) tidak menjelaskan secara terperinci konsep kebudayaan megalitik dalam konteks masyarakat setempat di Sarawak dan kelompangan ini akan diisi oleh pengkaji dalam bab kedua kajian ini.

Batu megalitik yang wujud di kawasan tanah tinggi Sarawak dan dibahagian persisir pantai Sarawak memiliki perbezaan yang jelas malah fungsi batu megalitik terhadap tradisi masyarakat dari kedua-dua bahagian ini juga berbeza jika disorot dalam artikel Harrisson (1970). Oleh itu, melalui tulisan ini pengkaji dapat membezakan batu megalitik yang wujud di bahagian tanah tinggi Sarawak dan juga di bahagian persisir pantai Sarawak seperti di Santubong. Di bahagian tanah tinggi Sarawak merupakan kawasan yang didominasi oleh orang Ulu seperti etnik Kelabit dan Murut. Kebanyakan batu megalitik yang wujud di kawasan ini dibina oleh nenek moyang etnik tersebut yang lebih awal menetap di kawasan tanah tinggi ini turut digelar oleh Harrisson sebagai *pre-Kelabit spirit ancestors*. Perbezaan yang jelas dapat dibuat oleh pengkaji melalui tulisan Harrisson ini adalah kebanyakan batu megalitik yang dibina di kawasan tanah tinggi Sarawak adalah merupakan kubur lama dan juga sebagai ukuran darjat bagi empunya batu megalitik tersebut.

Kajian daripada Harrisson (1973) merupakan antara yang terbanyak di sorot oleh pengkaji dan antaranya adalah *Megalithic Evidences in East Malaysia: An Introductory Summary*. Tulisan beliau yang satu ini adalah antara yang terpenting buat pengkaji kerana beliau telah menyentuh tentang kewujudan TBB di Santubong yang mana kewujudannya adalah secara semulajadi dan dipercayai antara batu megalitik yang terawal terbentuk di Borneo. Melalui kajian Harrisson (1973) ini juga pengkaji dapat membuat perbandingan kondisi fizikal TBB pada masa pertama kali ianya dikaji dengan masa kini melalui gambar TBB yang telah ditangkap oleh S. J. O'Connor.

Kepulauan Borneo merupakan kepulauan yang penuh dengan tradisi masyarakat setempat yang bersifat animisme dan pembentukan ataupun kewujudan batu megalitik ini adalah salah satu daripada gambaran tradisi masyarakat setempat yang pelbagai di kepulauan Borneo. Harrisson (1973) telah menggariskan bahawa antara penemuan batu megalitik di bahagian barat Borneo iaitu sekitar Sarikei adalah hasil daripada tanda migrasi kaum Seru dari Kalimantan yang berhijrah lebih awal ke Sarawak berbanding kaum Iban. Melalui analisis beliau dalam artikel ini berkemungkinan TBB adalah simbol kepada kedatangan Datuk Merpati ke Santubong selepas mundurnya empayar Majapahit. Oleh itu, dalam bab keempat pengkaji akan menyelitkan simbolisme megalitik buaya ini dalam konteks masyarakat setempat.